

18 IPT terima taraf cemerlang

Penilaian berdasarkan 25 kriteria ditetapkan daripada MQA

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya-t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 11 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini memperoleh penarafan berstatus cemerlang atau Tier Lima daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata penarafan itu diberikan selepas MQA melakukan penilaian terhadap 58 universiti dan kolej universiti sepanjang 2009.

Beliau berkata, penilaian dibuat berdasarkan 25 kriteria ditetapkan membabitkan tiga dimensi generik iaitu input merangkumi 20 peratus, proses (40 peratus) dan output (40 peratus) dalam pengajaran dan pembelajaran di sebuah universiti berkenaan.

"Ia dibangunkan berdasarkan instrumen Setara 2007 yang ditambah baik melalui pelbagai siri bengkel, perundingan dengan pihak berkepentingan dan kajian perbandingan, termasuk kajian rintis yang dijalankan di dua universiti dalam negara.



TUNJUK...Mohamed Khaled menunjukkan Laporan Setara '09, sambil diperhatikan Syed Ahmad di kementeriannya, semalam.

"Bagaimanapun, tiada universiti dan kolej universiti menyertai sistem penarafan ini pada masa depan dan memecahkan tradisi bagi mencapai tahap terbilang dalam Setara 2011,"

"Justeru, kita harapkan le-

bih banyak universiti dan kolej universiti menyertai sistem penarafan ini pada masa depan dan memecahkan tradisi bagi mencapai tahap terbilang dalam Setara 2011," katanya.

FOTO | Izhari Ariffin

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengumumkan keputusan pelaksanaan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2009 (Setara 09) di Kementerian Pengajian Tinggi, di sini, semalam. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Syed Ahmad Hussein.

Universiti awam yang diberikan penarafan Tier Lima adalah Universiti Malaya (UM); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Universiti swasta yang menerima penarafan itu pula ialah Curtin University of Technology Sarawak; International Medical University; Management and Science University; Monash University Sunway; Sunway University College, Swinburne University of Technology Sarawak, Taylor's University College dan The University of Nottingham Malaysia.